

Praveen juara Pertandingan Maybank-ICMS



Kuala Lumpur, 20 Januari- Pelajar Ijazah Sarjana Muda Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli Universiti Malaysia Pahang (UMP), Praveen A/L Manogaran menjuarai Pertandingan *Maybank-ICMS: Decode. Disrupt. Define* anjuran Syarikat Perbankan Malayan Banking Berhad (Maybank) dengan kerjasama The International Council of Malaysian Scholars and Associates (ICMS) yang berlangsung di Menara Maybank, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Pertandingan ini terbuka kepada semua pelajar dari institut pengajian tinggi awam dan swasta bagi memberi pendedahan kepada generasi muda mengenai cabaran dalam industri perbankan pada masa hadapan. Ianya terbahagi kepada dua sesi iaitu, perkongsian bersama pakar kewangan dan pertandingan yang berkonsepkan simulasi berdasarkan kes yang dikemukakan.

Menurut Praveen yang merupakan Exco Keusahawanan dan Inovasi Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) sesi 2017/2018, dengan hanya mempunyai latar belakang dalam kejuruteraan beliau tidak menyangka menjuarai pertandingan tersebut. Kes yang dibentangkan membincangkan tentang bagaimana mengurangkan peningkatan bilangan rakyat yang tidak mempunyai akaun simpanan di Malaysia.

"Hasil cadangan yang bernes serta solusi yang bertepatan dengan kes membolehkan pasukan kami menjuarai pertandingan ini," katanya yang berganding bahu bersama mahasiswa lain dari Universiti Taylor, Sunway, dan Monash sebagai satu pasukan," katanya. Kejayaan ini membolehkan beliau memenangi tiket percuma ke Pertandingan Golf anjuran Maybank dan berpeluang beramah mesra bersama pemain ternama sukan tersebut.

Pesanan Praveen mahasiswa tahun 3 ini, dalam dunia yang penuh mencabar para graduan seharusnya meluaskan tahap pengetahuan serta mempunyai pelbagai kemahiran serta mengharapkan mahasiswa UMP tidak membataskan diri dalam satu bidang sahaja supaya menjadi graduan yang memenuhi kehendak pasaran.

Disediakan oleh Nur Laila Afandi dan disunting oleh Bahagian Komunikasi dan Korporat.

Posted By : NUR LAILA BINTI AFANDI Date Posted : 02-02-2018, 08:14:29